

# **AKTA AMALAN RASUAH ASING**



Akta Amalan Rasuah Asing  
*Uji Diri Anda*

## PENGENALAN

Northrop Grumman adalah komited terhadap “. . . bertindak dengan INTEGRITI dalam segala apa yang kami lakukan. . .” Produk kami, sama ada dibekalkan kepada kerajaan ataupun kepada pelanggan perniagaan, adalah ditawarkan dan seterusnya dipilih atas dasar kualiti, khidmat dan harga. Kami menjalankan perniagaan kami dengan cara yang terbuka dan jujur, dan kami tidak mencari apa-apa pengaruh yang tidak wajar mahupun mentoleransi tanggapan pengaruh sedemikian.

Semua pekerja, wakil dan sesiapa sahaja yang menjalankan perniagaan bagi pihak syarikat ini dan syarikat subsidiarinya di mana sahaja di seluruh dunia harus dimotivasikan oleh Nilai-Nilai dan Piawai Tatalaku syarikat. Selain itu, pekerja yang terlibat dalam perniagaan antarabangsa hendaklah membiasakan diri dengan Akta Amalan Rasuah Asing (Foreign Corrupt Practices Act/FCPA) supaya tidak menjejaskan secara sengaja atau tidak sengaja Nilai-Nilai syarikat kami atau melanggar Undang-Undang. Tujuan risalah ini ialah untuk membiasakan anda dengan FCPA dan mempekakan anda terhadap keperluannya.

**FCPA – ASING** “. . . melarang sebarang pembayaran, tawaran wang, atau benda berharga lain kepada pegawai kerajaan, badan atau perantaraan asing, atau kepada ahli politik atau parti politik asing bagi tujuan melakukan, membenarkan, atau mengarahkan rasuah, oleh syarikat atau kakitangannya sama ada secara langsung atau melalui wakil, kontraktor, atau pihak ketiga lain.” (Dasar Koporat No. A8 – “Amalan Perniagaan”).

**AMALAN RASUAH** - Amalan demikian adalah sama dengan sogokan. Ia menunjukkan yang percubaan telah dibuat untuk memastikan pilihan dipengaruhi oleh faktor selain daripada mutu, khidmat dan harga. Ini bermakna wang atau barang berharga telah ditawarkan untuk mempengaruhi tindakan atau keputusan seorang pegawai asing atau untuk mendorong penyalahgunaan kedudukannya demi membantu syarikat dalam mendapat atau mengekalkan perniagaan.

**AKTA** - FCPA ialah undang-undang yang dikenakan ke atas kegiatan perniagaan antarabangsa syarikat Amerika Syarikat. Ia juga boleh dikenakan ke atas aktiviti rakyat dan syarikat asing dalam Amerika Syarikat. Banyak peruntukan Akta ini juga dikenakan ke atas operasi subsidiari asing syarikat Amerika Syarikat yang berdagang secara awam. Tujuan FCPA ialah untuk mencegah pemberian rasuah kepada pegawai asing berkaitan dengan mendapat atau mengekalkan perniagaan dalam sesuatu negara asing. Penguatkuasaannya oleh agensi-agensi kerajaan Amerika Syarikat boleh merangkumi injunksi, denda sivil dan pendakwaan jenayah terhadap pihak syarikat dan individu.

## PENERAPAN

Sebagaimana dengan Piawai Tatalaku Perniagaan kita, penerapan FCPA menjangkau para pegawai, pengarah, pekerja, penasihat atau agen syarikat ini dan subsidiari Amerika Syarikat dan subsidiari asingnya, serta sesiapa sahaja yang bertindak bagi pihak syarikat atau syarikat subsidiarinya dalam sebarang tugas.

## PIAWAI KEBERTANGGUNGJAWAPAN

Piawai “mengetahui” adalah luas dan ia merangkumi lebih daripada pengetahuan sebenar yang suatu amalan rasuah akan berlaku. Tidak mengendah atau menghiraukan keadaan yang wajar dianggap sebagai amaran mencukupi yang kelakuan melanggar undang-undang akan berlaku boleh menjadi alasan yang memenuhi piawai mengetahui ini.

Bahagian ini mesti diberikan perhatian yang berat. Segala aktiviti mesti mendukung dasar yang telah ditetapkan oleh Nilai-Nilai Northrop Grumman dan memenuhi”. . . piawai kelakuan yang tertinggi, termasuk bersikap amanah dan adil dalam segala aspek kerja kita.”

## KEKECUALIAN

FCPA berusaha dengan kuat dan bersepadu untuk mencegah rasuah tetapi ia ada membuat beberapa kekecualian. Semua urusan-nya, termasuk yang diberi kekecualian, hendaklah direkodkan mengikut keperluan prosedur perakaunan syarikat. Pekerja hendaklah minta nasihat Pegawai Tatalaku Perniagaan (Business Conduct Officer /BCO) mereka atau Jabatan Undang-Undang untuk mengesahkan sama ada tindakan yang akan mereka ambil adalah wajar walaupun ia kelihatan telah memenuhi keperluan mana-mana kekecualian yang dibenarkan berikut:

- Memudahkan atau mempercepatkan pembayaran. Ini adalah pembayaran bernilai kecil demi menghasilkan tindakan jenis rutin tanpa budi-bicara kerajaan seperti memperoleh permit, lesen, visa, mel, sambungan utiliti, dsb.

- Pembayaran yang dianggap sah di bawah undang-undang bertulis negara asing di mana tindakan tersebut berlaku.
- Belanja promosi atau pemasaran yang munasabah yang dibuat secara jujur tanpa niat rasuah. Ini boleh termasuk belanja makan, perjalanan dan penginapan bagi pegawai asing yang mempunyai kaitan langsung dengan pelaksanaan kontrak yang ada atau dengan promosi, demonstrasi atau keterangan tentang produk dan perkhidmatan syarikat. Perhatian: Pekerja hendaklah mematuhi CO A312A, “Perbelanjaan Perniagaan bagi Pegawai Kerajaan Asing” (*Business Expenditures of Foreign Government Officials*), sebelum membuat atau membayar perbelanjaan sedemikian. Perbelanjaan demikian hanya harus dipertimbangkan sekiranya ia dibenarkan oleh kerajaan asing berkenaan.

## HUKUMAN

Hukuman pelanggaran adalah amat berat bagi kedua-dua pihak syarikat dan individu. Sesiapa yang mewakili Northrop Grumman dan melanggar akta tersebut akan menanggung liabiliti peribadi. Individu boleh didenda sehingga \$100,000 bagi setiap pelanggaran dan dipenjarakan sehingga 10 tahun. Syarikat boleh didenda sehingga \$2 juta bagi setiap pelanggaran. Selain itu, pelanggaran boleh mencetuskan lain-lain akibat undang-undang dan kerugian seperti tindakan daripada Suruhanjaya Sekuriti dan Pertukaran, penggantungan atau penafian hak menyertai kontrak kerajaan, dan kerosakan jangka panjang kepada nama baik syarikat di dalam dan di luar negeri. Pekerja juga tertakluk kepada tindakan disiplin syarikat sehingga dan termasuk diberhentikan kerja.

Seperti yang anda maklum, adalah baik untuk mendapat nasihat dan meyakinkan diri anda terlebih dahulu sebelum mengambil sebarang tindakan yang boleh menimbulkan persoalan berkaitan dengan FCPA. Jangan teragak-agak untuk meminta bantuan daripada Jabatan Undang-Undang, Pegawai Tatalaku Perniagaan tempatan anda, *OpenLine* Bahagian atau *OpenLine* Korporat.

## ISYARAT BERHENTI

Ini adalah beberapa situasi yang harus membuat anda berhenti sejenak sebelum meneruskan. Sebahagian daripadanya (tetapi bukanlah semuanya) ialah:

- Jumlah pembayaran yang diminta adalah lebih tinggi daripada yang biasa dibayar bagi perkhidmatan yang diberikan
- Anda tidak berapa jelas tentang, malah mungkin mencurigai, reputasi perunding bebas atau agen kerana mereka agak enggan memberi maklumat
- Cara pembayaran yang dicadangkan boleh dianggap luarbiasa untuk transaksi perniagaan, misalnya: pembayaran tunai, pembayaran melalui pihak ketiga atau pembayaran dalam negara ketiga
- Perunding bebas atau agen atau seorang pengarah, pemegang saham atau pekerja firma perunding bebas atau agen tersebut mempunyai hubungan peribadi, kekeluargaan atau perniagaan dengan seorang pegawai kerajaan
- Sogokan ialah “cara menjalankan perniagaan” dalam negara berkenaan
- Perunding bebas atau agen tidak mempunyai kelayakan yang diharapkan bagi perniagaan yang anda mahu dapatkan
- Perunding bebas atau agen menyebut tentang sumbangan politik atau amal sebagai cara mempengaruhi tindakan rasmi
- Perjanjian yang diusulkan antara syarikat dan perunding/agen menyalahi undang-undang tempatan
- Perunding bebas atau agen mengambil pekerja individu atau firma yang tidak dikenali oleh Northrop Grumman
- Perunding bebas, agen atau wakil mereka mempunyai prinsipal, sekutu atau subkontraktor yang tidak diketahui yang mereka agihkan bayaran dan komisen.

## UJI DIRI ANDA

YA TIDAK

Timbalan Menteri Pertahanan sebuah negara yang syarikat telah berurusniaga sebelum ini memberitahu anda yang dia ingin melawat kemudahan syarikat ini di Amerika Syarikat. Sebelum menjemput beliau dan kumpulannya, yang terdiri daripada isteri beliau dan dua orang penolong, untuk terbang kelas pertama dan menjadi tamu anda di California di mana anda semua akan melawat ibu pejabat dan kemudahan perkilangan syarikat, beberapa soalan perlu dijawab.

1. Bolehkah anda menghulurkan jemputan ini tanpa penglibatan pihak pengurusan di peringkat lain?
2. Adakah lawatan demikian dibenarkan di bawah FCPA?
3. Adakah apa-apa syarat yang dikenakan?

<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>

Selepas mendapat kelulusan yang sesuai, anda mengatur supaya Menteri dan kumpulannya singgah dua hari dalam perjalanannya di Washington, DC.

4. Adakah persinggahan demikian dibenarkan sekiranya ia tiada kaitan dengan perniagaan syarikat?
5. Adakah persinggahan demikian dibenarkan sekiranya ia ada kaitan dengan perniagaan syarikat?
6. Adakah terdapat garis panduan bagi peraian yang ditawarkan ini?

<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>

Semasa makan malam di Washington, anda telah menghadihkan menteri itu dengan satu helang Amerika Syarikat daripada kristal yang mahal.

7. Adakah hadiah sedemikian dianggap tidak menyalahi undang-undang Amerika Syarikat?
8. Jika tidak menyalahi Undang-Undang Amerika Syarikat, adakah perkara itu menjadi selesai?

<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>

Dua orang rakyat Amerika yang baru ditugas melaporkan diri kepada anda dalam pejabat syarikat di satu ibu negara asing telah cuba mendapat lesen memandu sebaik sahaja mereka sampai. Pejabat pelesenan kerajaan memberitahu mereka bahawa mereka mungkin terpaksa menunggu tiga bulan untuk mendapatkan lesen dan hukuman memandu tanpa lesen adalah berat. Akan tetapi, mereka diberitahu sekiranya dibuat bayaran \$5000, dan bukan \$75 seorang seperti biasa, proses itu boleh dipercepatkan dan lesen boleh didapati dalam tiga hari. Adakah ini:

9. Satu kekecualian FCPA yang dibenarkan?
10. Satu sogokan?
11. Adakah garisan jelas didapati antara pembayaran untuk memudahkan dengan sogokan?
12. Mestikah pembayaran untuk memudahkan sebanyak \$50 atau kurang didokumenkan dalam buku kira-kira syarikat?

<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>

## JAWAPAN BETUL

1. Tidak. Jangan teruskan tanpa melibatkan pihak pengurusan kanan dan mendapatkan kelulusan yang diperlukan di bawah CO A312A.
2. Lawatan demikian mungkin dibenarkan, namun syarikat tidak mungkin meluluskan pembayaran atau pembayaran balik untuk isteri/suami.
3. Ya. Lawatan harus munasabah dan berkaitan langsung dengan promosi, demonstrasi atau penjelasan tentang produk atau perkhidmatan atau berkaitan dengan satu pelaksanaan kontrak.
4. Tidak.
5. Ya, tertakluk kepada kewajaran perbelanjaan tersebut dan tertakluk kepada semua kebenaran yang perlu di bawah CO A312A yang didapati sebelum persinggahan dibuat. Untuk diluluskan, persinggahan mestilah hampir dengan lokasi perniagaan berkaitan.
6. Ya. Munasabah, mengikut kelaziman, dan berkaitan langsung dengan perniagaan.
7. Mungkin tidak menyalahi. Kebenaran yang perlu di bawah CO A312A mesti didapati dahulu.
8. Tidak. Perlu juga dirujuk kepada undang-undang negara yang dilawati serta Nilai-Nilai, Dasar, Prosedur dan Piawai Tatalaku Perniagaan Northrop Grumman. Jabatan Undang-Undang akan mengkaji dan memberi panduan yang sesuai sebagai sebahagian daripada kajian yang dikehendaki di bawah CO A312A.
9. Tidak.
10. Perbezaan antara \$150 dengan \$5000 membuatnya mudah dikategorikan begitu.
11. Tidak. Ia terpulang kepada pertimbangan. Jumlah wang kecil bagi perkhidmatan kerajaan (tanpa budi-bicara) rutin biasanya dianggap sebagai pembayaran untuk memudahkan yang dibenarkan. Kelulusan Jabatan Undang-Undang diperlukan sebelum membuat atau bersejuru untuk membuat sebarang pembayaran untuk memudahkan.
12. Ya.

OpenLine Korporat	800-247-4952	Sistem Elektronik	410-765-1919	Teknologi Maklumat	888-257-7258
Sistem Bersepadu	877-901-5606	Sistem Misi	800-445-4714	Berita Newport	800-423-9378
Sistem Kapal	800-644-2612	Teknologi Angkasa	888-814-4567		

Northrop Grumman • Office of Ethics and Business Conduct • 1840 Century Park East • Los Angeles • California 90067